

LAPORAN
SEMINAR AUDIT DALAM

TEMA

MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

MELALUI AUDIT DALAMAN YANG BERKUALITI

29 MEI 2007

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
UCAPTAMA KETUA AUDIT NEGARA	1-9
PEMBENTANGAN KERTAS KERJA:	
KEBERKESANAN AUDIT DALAMAN – PENGALAMAN TM BERHAD	
PENDAHULUAN	10
PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN DI TM BERHAD	10-15
RUMUSAN	15
PERBINCANGAN PANEL I:	
‘MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI MELALUI AUDIT DALAMAN YANG BERKUALITI’	
PENDAHULUAN	16
PEMAHAMAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI	16-17
‘PRESTASI AUDIT DALAM KEMENTERIAN’ - Oleh Y. Bhg. Dato’ Ahmad Bin Hj. Hashim Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan	18-19
AUDIT DALAMAN YANG BERKUALITI DI SEKTOR SWASTA - Oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato’ Dr Lau Ban Tin Council Member, Association of International Accountants	20-22
ISU DAN CABARAN - Oleh Puan Fatimah Bt. Abu Bakar President, The Institute of Internal Auditors Malaysia	23-26
RUMUSAN	26-27

PERBINCANGAN PANEL 2:

AUDIT DALAMAN DI SEKTOR AWAM – ISU DAN CABARAN	
PENDAHULUAN	28
PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN DI SEKTOR AWAM oleh:	29-30
- Y. Bhg. Datu William Lee Boon Tong Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak	
- Encik Said Ahir Bin Said Abdullah Setiausaha Bahagian Audit Dalam, Kem Pelajaran Malaysia	
- Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali Juruaudit Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak	
ISU DAN CABARAN	31-32
- Oleh Puan Mariah Bt. Mohamad Said General Manager, Group Internal Audit Department, PETRONAS	
MENANGANI ISU AUDIT DALAMAN	33
- Oleh Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman Pengurus Audit Dalam, Lembaga Tabung Angkatan Tentera	
RUMUSAN	33
ISU BERBANGKIT SEMASA SESI SOAL JAWAB	
PENDAHULUAN	34
ISU BERBANGKIT	34-35
INTI PATI UCAPAN PENUTUP KETUA AUDIT NEGARA	36-39
RUMUSAN	40

**UCAPTAMA KETUA AUDIT NEGARA
DI SEMINAR AUDIT DALAM
PADA 29 MEI 2007 BERTEMPAT DI AKADEMI AUDIT NEGARA,
NILAI, NEGERI SEMBILAN**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saudara Pengacara Majlis

Y. Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad TKAN(P),

Tuan Haji Anwari bin Suri TKAN(N),

Y.Bhg. Dato'- Dato', Pegawai-pegawai kanan Jabatan,

Tuan – tuan dan puan - puan serta hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayahNya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis ilmu pada hari ini. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada seramai 300 Juruaudit Dalaman daripada pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi yang sudi memenuhi undangan kami untuk bermuzakarah hari ini. Justeru itu, saya juga ingin merakamkan rasa gembira kerana berpeluang untuk bersama dan bertemu mesra dengan semua warga Juruaudit Dalaman yang hadir. Selamat datang ke Akademi kami yang menjadi komitmen Kerajaan untuk membangunkan modal insan di kalangan warga audit awam.

2. Seminar ini merupakan salah satu usaha Jabatan untuk meningkatkan keberkesanan Audit Dalam kepada sesebuah organisasi. Tema “Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti Melalui Audit Dalam Yang Berkualiti” membawa makna yang signifikan terutama untuk memantapkan lagi sistem urus tadbir (governance) termasuk pengurusan kewangan dan prestasi sektor awam di negara kita. Ini adalah kerana etos perkhidmatan awam kini telah berubah berikutan kesan daripada peningkatan keperluan dan ekspektasi pelanggan dan stakeholders. Kerajaan kita mahu urus tadbir sektor awam perlu sentiasa berlandaskan prinsip-prinsip akauntabiliti, integriti, ketelusan dan kecekapan (efficiency). Saya melihat institusi audit itu sebenarnya berperanan sebagai satu tonggak untuk memastikan prinsip-prinsip ini dihayati sepenuhnya sepanjang masa. Maka itu, UAD perlu berperanan bagi memastikan tonggak ini sentiasa teguh dan relevan.

Y. Bhg. Dato'– Dato'/Tuan-tuan dan Puan-puan,
Akauntabiliti dan Integriti

3. Pada suku tahun pertama 2007, ekonomi negara kita telah menunjukkan peningkatan Kadar Domestik Negara Kasar (KDNK) yang amat memberangsangkan iaitu sebanyak 6% setahun. Senario ekonomi ini merupakan petanda yang baik kepada Kerajaan kita yang mengamalkan polisi kewangan dan fiskal yang baik untuk pertumbuhan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia ke-9. Bagaimanapun, senario ini juga menghendaki Kerajaan meningkatkan akauntabiliti dalam penggunaan wang awam dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan. Sesuatu keputusan dan pelaksanaan keputusan hendaklah dilaksanakan berteras kepada prinsip akauntabiliti dan telus dari segi kepastian kualitinya dan difahami dengan baik dari segi proses dan prosedurnya oleh semua. Prinsip akauntabiliti ini harus dilaksanakan seiring dengan prinsip integriti dan sentiasa berpegang kepada kejujuran intelek (intellectual honesty).

4. Prinsip-prinsip yang saya sebut tadi amat penting dihayati oleh segenap lapisan penjawat awam yang memegang amanah untuk mengendalikan tadbir urus yang terbaik dalam organisasi masing-masing. Jika organisasi sektor swasta tertakluk kepada Code of Corporate Governance, organisasi sektor awam pula perlu mematuhi garis panduan bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada bulan Mac 2007. Garis panduan ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004 dan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang diperkenalkan dalam tahun 1998. Semua inisiatif yang saya sebutkan adalah merupakan usaha Kerajaan untuk mengamalkan tadbir urus terbaik dan untuk berdaya saing di arena global.

5. Aktiviti pengauditan sama ada Audit Dalam atau Audit Luar merupakan sendi (cornerstone) kepada tadbir urus sektor awam yang baik. Dengan memberi penilaian yang objektif dan bebas bagi menentukan sama ada sumber awam diurus secara efektif untuk mencapai hasil yang dikehendaki dan seterusnya memberikan syor yang praktikal, Juruaudit sebenarnya membantu organisasi Kerajaan mencapai akauntabiliti dan integriti, menambah baik operasi dan

menerap keyakinan di kalangan rakyat dan stakeholders. Peranan Juruaudit adalah menyokong tanggungjawab tadbir urus iaitu oversight, insight dan foresight.

6. Oversight menyentuh sama ada entiti Kerajaan melaksanakan apa yang mereka patut laksanakan, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan juga mengesan/mencegah berlakunya rasuah penyelewengan dan salah guna kuasa. Pengauditan oversight menyumbang kepada akauntabiliti awam dengan memberi akses maklumat terhadap prestasi organisasi kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Insight membantu pembuat keputusan dengan memberi penilaian bebas terhadap polisi, program, operasi dan impak aktiviti Kerajaan. Aktiviti audit sebegini membantu menginstitusikan pembelajaran organisasi dengan memberi maklum balas berterusan dan memberi cadangan polisi sekiranya perlu. Foresight mengenal pasti trends dan cabaran baru. Aktiviti pengauditan foresight boleh mengetengahkan cabaran yang akan datang dan mengenal pasti risiko serta peluang yang timbul daripada evolusi sains dan teknologi, persekitaran auditi yang lebih kompleks dan perubahan ekonomi serta peningkatan ekspektasi daripada stakeholder dan juga rakyat.

7. Pada hemat saya, kredibiliti aktiviti pengauditan sangat penting untuk mengukuhkan tadbir urus awam. Justeru itu, Jabatan Audit Negara sentiasa mempergiatkan usaha untuk meningkatkan akauntabiliti awam dalam pengurusan wang awam. Pada tahun ini, Jabatan memperkenalkan index accountability yang menjadi asas kepada sistem penarafan tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi atau Audit Rating System (ARAS). Rating tersebut akan diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan-kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah, deposit dan aset.

8. Dengan adanya indeks akauntabiliti ini, Juruaudit dapat membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan dan menetapkan standard yang minimum untuk prestasi yang lebih baik. Manakala di pihak auditee pula, ia berguna untuk mengukur tahap pencapaian dan menjadi asas bagi bench-

marking ke arah penambahbaikan dan kecemerlangan. Dengan itu, ianya diharapkan boleh membantu mewujudkan budaya kerja yang berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Saya percaya indeks ini akan mendorong ketua-ketua jabatan dan agensi menyemai budaya membetulkan kelemahan yang biasa dan membiasakan amalan yang betul di kalangan anak-anak buah mereka yang bukan sahaja dapat mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan mereka malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri akan dapat dicapai.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Perubahan Peranan Dan Ekspektasi Terhadap Audit Dalam

9. Peranan Juruaudit Dalam telah berubah dari backroom function kepada fungsi yang boleh membawa perubahan positif kepada organisasi. Kalau dahulu, Peranan Audit Dalam adalah lebih kepada penilaian terhadap sistem kawalan dalaman untuk memastikan organisasi beroperasi secara efektif dan cekap serta mematuhi undang-undang dan peraturan. Sekarang, peranan Audit Dalam telah berkembang kepada pengurusan risiko organisasi, etika, tadbir urus, sokongan kepada jawatankuasa audit dan juga tanggungjawab sosial korporat.

10. Saya melihat peranan Juruaudit Dalaman lebih kepada “independent insider” atau “in-house regulator”. Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan Audit Dalam banyak mendedahkan penyelewengan dalam syarikat berbanding dengan Juruaudit Awam. Contohnya, Timbalan Presiden Audit Dalam dan dua orang pegawainya dari WorldCom telah mendedahkan penyelewengan yang membuat WorldCom jatuh bankrap. Perkara ini belum berlaku di Malaysia tetapi penemuan Audit Dalam di Syarikat Suruhanjaya Sekuriti misalnya menunjukkan perkara yang dibangkitkan amat penting dalam beberapa tindakan penguatkuasaan yang diambil.

11. Saya percaya penyelewengan dan amalan yang tidak beretika dapat didedahkan dalam masa yang singkat atau dapat dielakkan sekiranya Juruaudit

Dalam memainkan peranan yang proaktif. Kebanyakan kerugian yang berlaku adalah disebabkan oleh pengurusan dan warga kerja yang tidak cekap (incompetence), penyelewengan dan amalan yang tidak beretika. Contohnya skandal kewangan Enron, WorldCom, Anderson dan Parmalat. Skandal kewangan ini juga telah mewujudkan mesej betapa pentingnya pengauditan secara komprehensif dan berhemah bukan sahaja di sektor swasta malah juga di sektor awam.

Keberkesanan Unit Audit Dalam

12. Keberkesanan Unit Audit Dalam (UAD) amat penting untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti. Pada pandangan saya, terdapat beberapa elemen penting bagi membantu Audit Dalam berfungsi dengan lebih teratur dan menstrukturkan proses pengauditan dengan lebih baik. Antaranya ialah dengan menyediakan perancangan audit tahunan supaya tugas pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan; penubuhan Jawatankuasa Audit; penilaian kepada aspek yang berisiko tinggi; jaminan kawalan; melaporkan penemuan yang signifikan dan mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

13. Pengiktirafan Kerajaan kita terhadap peranan penting UAD terbukti dengan keluarnya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang merupakan arahan kepada para Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun diperhatikan lain-lain agensi awam seperti Badan-badan Berkanun Negeri, SEDC-SEDC dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak tertakluk kepada pekeliling ini. Baru-baru ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan kajian terhadap keberkesanan UAD PBT. Kit dapati hanya 31 daripada 145 PBT di seluruh negara yang mempunyai Unit Audit Dalam. Antara penemuan kajian ini ialah sebanyak 42% UAD tidak menyediakan laporan, sebanyak 85% UAD tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan sebanyak 61% tidak menyediakan Memorandum Rancangan Audit. Pada saya keadaan ini adalah mendukacitakan kerana saya pasti UAD yang berkesan di PBT mampu membantu melonjakkan urusan tadbir PBT yang merupakan barisan hadapan dalam sistem penyampai Kerajaan. Sungguhpun UAD tidak diwajibkan di PBT, saya percaya UAD adalah satu aset

yang penting kepada PBT. Dan wajarlah diwujudkan segera dengan sokongan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Mungkin PBT-PBT yang terlalu kecil boleh dikecualikan dan fungsi Audit Dalam dikendalikan oleh UAD Pejabat SUK.

14. Kajian ini menunjukkan tumpuan pengauditan masih kepada pengauditan kewangan dan pengauditan pengurusan. Anggota UAD kurang berpengetahuan dan kurang pendedahan kepada teknik dan kaedah pengauditan yang betul dan sistematik. Ini adalah kerana anggota UAD dilantik oleh PBT dan pada masa yang sama mereka mungkin tidak diberi latihan yang sepatutnya. Kesan daripada ini adalah pemerhatian dan Laporan Audit yang kurang berkualiti dan tidak memberi impak kepada pelanggan. Di samping itu, pihak pengurusan tidak memberi penekanan kepada prestasi pencapaian dan peranan UAD. Kepada saya, semua ini menggambarkan keberkesanan Unit Audit Dalam PBT tidak memuaskan dan perlu diperkasakan segera. Dalam hal ini mungkin ada baiknya dari segi keberkesanan dan kerjaya pegawai, keanggotaan Unit Audit Dalam di PBT dan di mana jua dalam sektor awam didatangkan atau dipinjamkan daripada Jabatan Audit Negara. Adalah diperhatikan Juruaudit-Juruaudit yang dilantik oleh PBT misalnya tidak diberi latihan dan pendedahan secukupnya, untuk mereka benar-benar berfungsi dengan berkesan. Ini dapat dilihat dari segi kesukaran mereka lulus dalam peperiksaan yang mereka duduki. Walau apa pun pintu Akademi Audit Negara sentiasa terbuka untuk menerima permohonan mereka menjalani latihan dan menimba ilmu.

15. Dalam pada itu saya berpendapat, UAD hanya boleh memainkan peranannya secara berkesan jika pihak Lembaga atau pengurusan mengiktiraf nilai dan kepentingan peranan mereka dan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Selagi Audit Dalam dianggap sebagai musuh dalaman dan menerima kehadiran mereka sebagai "detachment", tidak selesa atau wujudnya ketidakpercayaan, potensi penuh UAD tidak dapat direalisasikan sepenuhnya.

Dato'– Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Audit Dalam yang Berkualiti

16. Kualiti itu adalah sesuatu yang bergerak sepanjang masa (moving target). Apabila kita mencapai kualiti yang kita kejar, kita dapati ada lagi kualiti yang lebih tinggi yang mesti kita kejar. Begitulah keadaannya kita terpaksa mengejar kualiti sepanjang masa dan tentunya ia memerlukan penambahbaikan yang berterusan. Budaya kualiti harus ada pada semua Juruaudit. Apa juga khidmat yang diberi atau kerja yang dibuat, semuanya mestilah berkualiti dan dilakukan dengan berintegriti dan kualiti profesionalisme yang tinggi.

17. Audit Dalam yang berkualiti bukan sahaja dapat menyumbangkan dan memperbaiki imej Kementerian/Jabatan/Agensi malahan imej Negara. Dalam konteks pengauditan, apakah yang dikatakan dengan berkualiti. "Quality is what customers say it is...and when you want to find out what the quality is and should be, ask your customer". Oleh itu, untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti, Juruaudit perlu mengetahui apakah yang dikehendaki oleh auditi bagi memenuhi kehendak tersebut. Kehendak-kehendak auditi inilah yang harus ditekan dalam setiap perkhidmatan yang disediakan.

Cabaran - Cabaran Audit Dalam

18. Saya juga ingin menyentuh cabaran-cabaran signifikan yang dihadapi oleh Juruaudit Dalaman. Seperti yang saya nyatakan pada awal ucapan, pengauditan merupakan "checks and balances" untuk tadbir urus yang baik. Adalah jelas untuk melangkah ke hadapan, Juruaudit Dalaman perlu memainkan peranan yang dinamik memandangkan peranan Juruaudit Dalaman kini dilihat sebagai link kepada proses, teknik dan alat yang digunakan oleh organisasi untuk mencapai objektif strategiknya. Perkembangan ini memerlukan Juruaudit bersedia untuk memenuhi kehendak-kehendak baru, mungkin memikirkan semula prinsip/pendirian yang telah bertapak lama dalam profesion pengauditan dan mengguna pakai prinsip/pendirian yang baru.

19. Pengetahuan menyeluruh mengenai fungsi organisasi dan perubahan persekitaran dalam dan luar organisasi amat penting. Isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan, produk/perkhidmatan yang baru dan menghadapi segala cabaran yang dihadapi oleh organisasi berkenaan juga perlu difahami. Sesungguhnya, cabaran Juruaudit Dalaman adalah mengemaskini dan memperbaharui pengetahuan mengenai organisasi secara berterusan bagi memberi tahap perkhidmatan yang diharapkan oleh pengurusan.

Dato'– Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

20. Sebagai independent insider, Juruaudit Dalaman bekerja dengan pihak pengurusan melalui pelaporan kepada Jawatankuasa Audit. Dalam melaksanakan tugas, Juruaudit Dalaman hendaklah mengekalkan kebebasan sama ada dari segi nyata atau persepsi. Juruaudit Dalaman hendaklah memastikan struktur organisasi atau fungsi membenarkan mereka menjalankan tugas secara bebas. Di samping itu, Juruaudit perlu memastikan pihak pengurusan menubuhkan Jawatankuasa Audit sekiranya ia tidak ditubuhkan atau memastikan Jawatankuasa Audit sentiasa bergerak aktif.

21. Perkembangan teknologi maklumat telah mengubah teknik dan metodologi pengauditan. Pendekatan tradisi iaitu mengaudit around the computer dan post audit telah berubah kepada pre audit dan pengauditan through the computer. Fokus audit adalah lebih kepada transaksi on-line/real time. Di samping itu, proses audit tradisi dipanjangkan dari hanya menyemak rekod kewangan dan kawalan dalaman yang berkaitan juga merangkumi penyemakan sistem komputer untuk memberi pengurusan jaminan kawalan dalaman tambahan dan memenuhi keperluan tadbir urus yang baik. Oleh itu, Juruaudit hendaklah melengkapi diri dengan meningkatkan pengetahuan dalam bidang ICT selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam bidang ini.

Kesimpulan

22. Juruaudit Dalaman merupakan strategic partner kepada pengurusan dan organisasi. Dengan itu, setiap Juruaudit hendaklah berusaha untuk memberi perkhidmatan yang memberi nilai tambah kepada organisasi. Ancaman dan

cabaran-cabaran serta peluang yang terdapat di luar organisasi perlu di analisa supaya perubahan persekitaran dapat diuruskan dengan berkesan. Anggaphlah setiap cabaran yang dihadapi sebagai peluang untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti bagi menghasilkan pengauditan yang berkualiti.

23. Saya melihat peranan Audit Dalam dan Audit Luar dalam sistem perkhidmatan awam kita sebagai complimentary – saling lengkap melengkapi. Ini adalah kerana Audit Luar biasanya dibuat berdasarkan sampling dan tidak tercakup semua perkara yang patut diaudit. Sedangkan UAD amat dekat dengan auditi. Jadi UAD boleh membantu Audit Luar memastikan perkara-perkara atau kelemahan-kelemahan yang didedahkan oleh Audit Luar disedari oleh pihak-pihak yang tidak dicakup oleh Audit Luar itu. Ini bermaksud UAD boleh menyusuli kelemahan-kelemahan yang didedahkan dalam laporan Audit Luar.

24. Sebagai Ketua Audit Negara saya telah menyarankan supaya ketua-ketua Jabatan/Agensi mengamalkan moto membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul dalam usaha-usaha berterusan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan masing-masing. Saya harap kawan-kawan di UAD dapat memantau tindakan yang dijanjikan itu diambil dan menjadi kenyataan. Aspek-aspek seperti pengurusan aset, pengurusan perolehan, kawalan pelupusan dan sebagainya harus diberikan fokus yang sewajarnya oleh Jabatan/Agensi.

25. Akhir kata, saya ingin merakamkan terima kasih di atas kesudian Dato'/tuan/puan yang akan membentangkan kertas kerja dan bercambah idea serta pengalaman bagi meningkatkan keberkesanan Audit Dalaman. Saya berharap seminar Audit Dalaman ini mendatangkan input serta impak yang mengubah paradigma Juruaudit Dalaman untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti melalui Audit Dalaman yang berkualiti. Saya menyeru kepada semua Juruaudit agar dapat merebut peluang menimba pengalaman berguna ketika sesi perbincangan diadakan.

26. Saya mengucapkan selamat berseminar dan semoga segala rumusan yang bakal diperoleh akan dapat digunakan untuk kepentingan Jabatan dan Negara. Dengan harapan sedemikian dan lafaz yang mulia “Bismillahir rahmanir rahim” saya dengan sukacita merasmikan Seminar Audit Dalam ini.

KERTAS KERJA

KEBERKESANAN AUDIT DALAMAN – PENGALAMAN TM BERHAD

Oleh

En. Hashim Mohammed

Ketua Juruaudit Kumpulan Telekom Malaysia Berhad.

1. PENDAHULUAN

Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh En. Hashim Mohammed dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Azizah Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara Persekutuan. Kertas ini telah menjelaskan 3 perkara utama iaitu kedudukan sekarang TM Malaysia, perspektif Kumpulan Audit Dalam TM dan satu *overview* bagaimana struktur organisasi TM berfungsi dan bagaimana ia *internalise* dengan perniagaannya.

2. PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN DI TM BERHAD

a. Kertas kerja melihat bagaimana keberkesanan sebenar boleh diukur. Keberkesanan adalah di mana Audit Dalam Kumpulan terletak dalam syarikat TM berbanding dengan unit-unit lain. Kedua apakah ekspektasi perniagaan pada masa ini dan masa hadapan. Bagaimana Audit Dalam menganalisis senario perniagaan masa kini dan masa hadapan dan apakah kesan terhadap organisasi. Pengukuran sebenar keberkesanan ini adalah berdasarkan kedudukan strategik Audit Dalam Kumpulan dalam struktur Kumpulan TM. Ini membolehkan Audit Dalam Kumpulan memberi sumbangan yang kritikal kepada kejayaan syarikat.

b. Kedudukan Audit Dalam Kumpulan Dalam TM Berhad

Dari segi struktur, Audit Dalam Kumpulan TM di bawah Ketua Pegawai Eksekutif untuk perkara-perkara pentadbiran. Manakala dari segi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab ia terletak secara terus kepada Jawatankuasa Audit. Ini termasuk pelantikan, penilaian prestasi, kenaikan gaji dan pembuangan kerja Ketua Juruaudit Kumpulan.

c. Objektif Dan Peranan Juruaudit Dalam

Objektif Audit Dalam Kumpulan TM adalah untuk memberi khidmat *oversight* kepada syarikat. Dalam hubungan ini Audit Dalam dikehendaki menambah nilai.

Terdapat 3 peranan iaitu:

(i) Peranan Polis

Peranan ini adalah lebih menjurus kepada pematuhan. Contohnya semakan Penyata Kewangan *interim* yang sangat penting untuk memastikan segala kehendak-kehendak FRS dipatuhi.

(ii) Peranan Pelatih

Peranan ini lebih kepada menentukan kawalan dalaman dilaksanakan, teratur dan dipatuhi.

(iii) Peranan Penasihat

Audit Dalam di sini perlu memberi nasihat kepada auditi dari aspek isu-isu yang diaudit.

Juruaudit Dalam mesti boleh menukar peranan mengikut tugas-tugas yang diberi.

d. Strategik bermakna 3 perkara perlu dilaksanakan iaitu:

- (i) Perlu memenuhi perubahan keperluan kerana persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Audit Dalam Kumpulan mesti memikirkan 3 hingga 5 tahun ke hadapan supaya boleh memenuhi ekspektasi dan perspektif pihak Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan,
- (ii) Piagam audit, polisi dan prosedur audit hendaklah selaras dengan pelan strategik organisasi dan
- (iii) Audit Dalam Kumpulan perlu mewakili corporate *spenders* syarikat.

e. 5 strategi Juruaudit Dalam Kumpulan

TM Berhad mengamalkan 5 strategi utama yang memacu kejayaan iaitu pengurusan berbakat; kedudukan yang betul dan penjenamaan; metodologi yang betul; program semakan jaminan kualiti (QAR) serta tadbir urus.

(i) Pengurusan *talent*

- Output Juruaudit Dalam iaitu laporan adalah harta intelek daripada minda.
- Bermula dengan persoalan Siapa yang layak dan berkompeten? Strategi *right staffing* amat kritikal bagi mendapatkan pegawai yang kompeten dan mempunyai pengalaman yang pelbagai.
- Mendapat, membentuk, membangun, membimbing, mengagih dan menarik pegawai audit menjadi *superstar* serta agen perubahan dalam organisasi.
- Mengekalkan budaya dan ideologi menambah nilai melalui pembelajaran, perkembangan kerjaya dan penambahbaikan perniagaan secara berterusan.

(ii) Kedudukan yang betul dan penjenamaan

- Menetapkan strategi yang betul - menjadi sebahagian daripada unit perniagaan
- Merapatkan jurang ekspektasi antara pengurusan, lembaga pengarah dan jawatankuasa audit – objektif strategik Audit Dalam kumpulan selaras dengan visi, misi, objektif dan strategi semasa TM
- Perubahan peranan kepada *governance* dan rakan kongsi perniagaan
- Fokus audit beralih kepada keberkesanan proses dan pencapaian strategi
- Membangunkan *roadmap* perubahan, mengukur dan mengesan pencapaian
- Menetapkan *balance scorecard* dengan strategi audit berdasarkan pendekatan Dashboard.

(iii) Metodologi yang betul

- Ini adalah proses pengauditan dan ia hendaklah dikenalpasti dan dilakukan dengan betul
- Lebih kepada pengauditan *risk based and real time*
- Boleh bertanya soalan

- Boleh memberi sesuatu yang penting kepada pengurusan
- Boleh mengeluarkan idea untuk menyelesaikan masalah
- Menggunakan sistem dan alat sokongan seperti sistem pengurusan audit sebagai pencepat teknologi

(iv) Program jaminan kualiti

- Semakan tahunan yang dijalankan meliputi beberapa peringkat seperti *supervisory review*, *peer review* dan *CAE review*.
- Review jaminan kualiti dalaman secara tahunan oleh ketua audit dalam
- Mendapatkan penanda aras antarabangsa daripada Fortune 500.
- Semakan jaminan kualiti luaran yang dilakukan setiap 5 tahun.

(v) Tadbir Urus

- Ini adalah mengenai laporan, objektiviti dan kebebasan.
- Jawatankuasa Audit yang bebas dan mempraktikkan amalan terbaik tadbir urus korporat.
- Piagam audit dalam untuk menjalankan tugas dan kuasa – model *governance* Audit Dalam Kumpulan yang membolehkan akses dan mobiliti secara bebas dalam kumpulan.
- Prestasi, ganjaran dan pelantikan Audit Dalam dibuat oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah boleh mengurangkan ketakutan Ketua Audit Dalam Kumpulan boleh hilang kerja jika ada pihak yang tidak suka laporan yang dikemukakan.
- Surat jaminan kawalan dalam – pernyataan kawalan dalam dimasukkan dalam laporan tahunan syarikat adalah tanggungjawab Lembaga Pengarah.
- Beberapa perubahan luaran termasuk global menyebabkan ekspektasi berubah daripada kawalan kewangan di awal tahun 1990an kepada tadbir urus bermula tahun 2007. Begitu juga ekspektasi dalaman semakin meningkat ekoran persekitaran perniagaan yang semakin sukar. Justeru beberapa faktor mempengaruhi meningkatnya ekspektasi dan keperluan juruaudit

yang berskil tinggi. Penekanan kepada tadbir urus, prestasi, kecekapan dan keberkesanan, kebebasan juruaudit menghendaki juruaudit mempunyai skil pelbagai dalam bidang seperti pemikiran strategik, peniagaan dan penambahbaikan proses, teknologi maklumat, risk based dan perunding dalaman.

f. Pengauditan Dalaman TM Berhad

Audit Dalaman TM menggunakan COSO (*standard for internal auditing and risk management globally*), Edinburgh Enterprise Risk Management, Code of Ethics, eTOM (*World's Best Practice For Business Process*), *Assurance Letters*, *Internal Control Incidents* dan *Statement of Internal Control* sebagai panduan untuk menjalankan pengauditan terhadap Kumpulan TM.

- a. Panduan untuk urus tadbir korporat *Government Linked Companies* (GLCs) yang dikeluarkan oleh Khazanah Holdings Bhd seperti Buku Hijau, Buku Merah, Buku Biru dan Buku Perak harus digunakan oleh Juruaudit Dalaman untuk memberi cadangan kepada pihak pengurusan.
- b. Pihak Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah ingin melihat prestasi dan urus tadbir bukan pematuhan atau penyemak. Kumpulan Audit Dalam perlu peka terhadap apa yang dikehendaki oleh Pengurusan dan *stakeholders*.
- c. Pelabur menghendaki ketelusan daripada pengurusan supaya semua operasi syarikat boleh didedahkan dalam Penyata Kewangan tahunan.
- d. Pengauditan berasaskan *business model* pihak auditi.

g. Kualiti Pegawai Juruaudit Dalam Kumpulan

- i. Kelayakan, pengalaman dan latar belakang Juruaudit Dalam Kumpulan TM adalah daripada pelbagai jurusan contohnya ahli kimia, jurutera, pakar IT, pemasaran, perakaunan dan lain-lain.

ii. Mengambil the *right people* contohnya daripada *Big 4* yang boleh menyemak penyata kewangan dan mengesan perakaunan kreatif dalam Penyata Kewangan tahunan.

iii. Pegawai Audit Dalam Kumpulan diberi peluang latihan dengan Professor daripada Universiti terkenal dunia. Latihan diberi kepada Juruaudit dalam kumpulan telah meningkatkan nilai mereka.

iv. Sebelum seseorang pegawai boleh dilantik sebagai Juruaudit Dalam Kumpulan beliau perlu lulus program pembangunan pengurusan selama 5 hari di mana penilaian dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit dan pegawai-pegawai kanan.

3. RUMUSAN

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) Y. Bhg. Dato' Azizah Hj. Arshad telah merumuskan kertas pembentangan ini mengenai 5 strategi utama yang diterima pakai Audit Dalam TM iaitu *right talent, right method, right direction, quality assurance and governance* untuk meningkatkan keberkesanan Audit Dalam. Secara keseluruhan kertas ini telah menyentuh bagaimana mendapat pegawai Juruaudit Dalam yang berkeelayakan dan berkebolehan. Setelah mendapat pegawai berkenaan latihan perlu diberi dan *ideologi* menambah nilai kepada syarikat perlu ditanam dan dijadikan moto Juruaudit Dalam. Kertas ini juga menyentuh pentingnya untuk *turnaround and transform* Jabatan Audit Dalam. Tugas harian juga perlu ditukar daripada pematuhan kepada proses walaupun pengauditan pematuhan juga penting terutama semasa menyemak Penyata Kewangan *interim*.

Menjadikan pengauditan dalam lebih menarik contohnya melihat proses perniagaan dan melalui inovasi iaitu pendekatan baru yang lebih baik dan cepat untuk melaksanakan pengauditan. *Real time auditing* contohnya pengauditan isu-isu terkini. Kertas ini juga mengenai penetapan *right strategy and right direction*.

PERBINCANGAN PANEL 1

'MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI MELALUI AUDIT DALAMAN YANG BERKUALITI'

Panel

**Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

**Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr Lau Ban Tin
Council Member, Association of International Accountants**

**Puan Fatimah Bt. Abu Bakar
President, The Institute of Internal Auditors Malaysia**

Moderator:

**Y. Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh
Presiden Institut Integriti Malaysia**

1. PENDAHULUAN

Y. Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia telah mempengerusikan perbincangan panel ini. Panel ini terdiri daripada 3 ahli yang mempunyai pengalaman luas dan mewakili sektor awam dan swasta Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr Lau Ban Tin, Council Member, Association of International Accountants dan Puan Fatimah Bt. Abu Bakar, Presiden, Institut Juruaudit Dalam Malaysia.

2. PEMAHAMAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

Pengerusi panel ini telah menerangkan Konsep Akauntabiliti iaitu suatu konsep yang mudah difahami dan secara ringkasnya bermaksud diri sendiri atau organisasi, malahan masyarakat sendiri bertanggungjawab ke atas tindakan mereka sendiri. Perlu dan dituntut memberikan penjelasan ke atas tindakan yang diambil kepada mereka yang berhak mengetahuinya. Akauntabiliti juga berkait rapat dengan kuasa, di mana kuasa boleh diturunkan tetapi tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya ini bermakna pihak pengurusan tersebut perlu bertanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukan tersebut.

Dalam perkhidmatan awam, akauntabiliti adalah tanggungjawab pegawai yang diberi tanggungjawab untuk memberi penjelasan terhadap tindakan dan keputusan yang diambilnya kepada mereka yang berhak mendapat jawapan atau penjelasan.

Konsep akauntabiliti boleh ditakrifkan sebagai akauntabiliti menegak di mana penjawat bertanggungjawab terhadap Ketua mereka dan mereka yang dipilih untuk bertanggungjawab terhadap pengundi atau rakyat.

Walau bagaimanapun, pada masa kini konsep akauntabiliti telah diperluaskan tafsirannya kepada akauntabiliti melintang di mana pegawai bertanggungjawab secara jaringan melangkaui batas semasa melaksanakan tugas mereka. Oleh itu dalam membincangkan akauntabiliti dalam mana-mana organisasi dalam perkhidmatan awam bermakna pegawai yang bertugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi terhadap tugas perlulah dipikul pada setiap masa dengan berlandaskan prinsip etika yang baik, nilai murni, undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Mereka perlu bersiap sedia untuk diperiksa atau diteliti oleh masyarakat. Untuk memastikan akauntabiliti ini berjalan dengan sempurna Audit Dalam telah ditubuhkan.

Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan

3. PRESTASI AUDIT DALAM KEMENTERIAN

Ahli panel ini telah memberi maklumat sejauh mana Unit Audit Dalam Kementerian telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang termaktub di bawah Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan pada tahun 2004. Dalam Pekeliling ini telah disenaraikan tugas-tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam. Berdasarkan laporan yang telah diterima, kedudukan 9 tugas yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi. Kesemua 40 Unit Audit Dalam yang telah ditubuh setakat 2005 telah melaksanakan tugas ini.
- ii. mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. Prestasinya 100%, semua UAD telah melaporkan tugas ini telah dilaksanakan.
- iii. mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan, 34% UAD yang telah menjalankan tugas ini.
- iv. mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan. Prestasinya 100% UAD telah melaksanakan tugas ini.
- v. memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT, kesemua UAD telah melaksanakan tugas ini.
- vi. menjalankan fungsi audit dalam di Badan Berkanun Persekutuan di bawah kawal seliaan Kementerian berkenaan yang tiada Unit Audit Dalam selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, hanya 8 sahaja yang melaporkan bahawa mereka telah menjalankan tugas ini. Beliau menjelaskan bahawa tidak semua Kementerian mempunyai Badan Berkanun. Sebahagian daripada Badan Berkanun ini mempunyai UAD sendiri dan tidak bergantung kepada UAD Kementerian.

- vii. melaporkan kepada Ketua Eksekutif hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan. Kesemua 40 UAD telah menyediakan laporan kepada Ketua Eksekutif.

- viii. menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Eksekutif. 31 UAD atau 70% telah menyediakan rancangan tahun, manakala 40 atau 100% telah menyediakan laporan tahunan. Bagaimanapun, Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim berpendapat bahawa maklumat yang diterima mungkin tidak tepat dan yakin bahawa kesemua UAD ada menyediakan Rancangan Tahunan mereka.

- ix. membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun. Mengikut maklumat, kesemua UAD telah membentangkan Laporan mereka dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, pada setiap 3 bulan di peringkat Kementerian.

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr Lau Ban Tin
Council Member, Association of International Accountants

4. AUDIT DALAMAN YANG BERKUALITI DI SEKTOR SWASTA

Ahli panel ini telah menjelaskan bahawa peranan audit dalam selepas krisis kewangan di Asia telah berubah menjadi sangat mustahak dan menjadi lebih bebas. Isunya kini adalah bagi menentukan akauntabiliti dan integriti dapat diwujudkan melalui peranan Juruaudit Dalam yang berkualiti.

a. Permintaan terhadap kualiti semakin ketara terutamanya jika organisasi menggunakan teknologi komputer dalam operasinya. Tugas ini biasanya diberi kepada pihak luar contohnya dalam bidang komputer.

b. Keberkesanan fungsi dan peranan Juruaudit Dalam ini juga bergantung kepada kualiti pihak pengurusan. Ini kerana sekiranya staf yang ada tidak mempunyai kualiti yang tinggi, akan menyukarkan pihak Juruaudit Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Sebaliknya jika staf berkenaan cekap melaksanakan tugas mereka, maka ia akan memudahkan pihak Juruaudit Dalam tersebut melaksanakan fungsi mereka dengan cekap. Bagi menghadapi cabaran melalui tekanan dan gesaan dari kesedaran yang meningkat terhadap perlunya perubahan terhadap peranan Juruaudit Dalam ini memerlukan Juruaudit Dalam membuka minda *to think out of the box*.

c. Fungsi Juruaudit Dalam telah menjadi lebih bebas kerana laporan Juruaudit Dalam dibentang dalam Jawatankuasa Audit dan seterusnya kepada pihak Lembaga Pengarah. Tindakan ini telah dikuatkuasakan melalui undang-undang dan peraturan bagi memastikan tuntutan urus tadbir yang baik dapat dilaksanakan.

d. Pihak swasta menggunakan Juruaudit Dalam untuk memantau prestasi operasi selaras dengan hasrat yang diinginkan oleh pihak Lembaga Pengarah. Ia dilakukan dengan memastikan mereka mengenal pasti dan jika boleh dapat mengurangkan risiko yang dihadapi. Pihak Juruaudit Dalam juga diminta mengeluarkan laporannya selaras dengan visi, misi dan objektif pihak swasta berkenaan. Laporan ini akan digunakan pihak pengurusan atasan untuk membuat keputusan bagi menentukan keupayaan dan kedudukan kewangan mereka. Ini bagi

mengenal pasti sama ada sumber mereka telah digunakan dengan cekap dan berkesan antaranya berkaitan dengan jumlah kewangan yang ada, anggaran kuantiti pengeluaran yang dijangkakan serta tingkat kualitinya serta kadar harga yang patut dikenakan.

e. Pihak pengurusan sektor swasta juga memerlukan Juruaudit Dalam mengesahkan pelbagai laporan bagi menentukan bahawa operasi mereka telah dilaksanakan dengan sewajarnya. Selaras dengan itu juga, khidmat tenaga pakar seperti perunding jurutera dan Juruukur bahan ditempatkan dalam pasukan Juruaudit Dalam bagi melaksanakan beberapa tugas yang ditetapkan yang dapat memberikan kepastian melalui laporan yang disediakan mereka kepada pihak Lembaga Pengurusan untuk membuat keputusan. Pada masa kini laporan *post mortem* adalah yang paling popular terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Laporan ini diperlukan untuk membuat keputusan dengan lebih berkesan. Ini secara tidak langsungnya akan membawa kepada peningkatan akauntabiliti dan integriti dalam melaksanakan pengurusan di sektor swasta.

f. Selain itu, Juruaudit Dalam juga digunakan oleh sektor swasta untuk melaksanakan penyiasatan ke atas kes penipuan dan yang terkini. Tugas Juruaudit Dalam ini adalah sebagai *whistle blower* bagi mengenal pasti permasalahan yang berkaitan dengannya. Bagi melaksanakan maksud tersebut Juruaudit Dalam perlu memahami pemikiran orang berniaga dan apa yang diperlukan oleh mereka. Persoalan yang biasa bagi mereka adalah peluang di pasaran baru atau projek baru.

g. Sehubungan itu, Juruaudit Dalam juga diminta untuk memastikan bahawa pelan dirancang dan kerja dilaksanakan bertepatan dengan kehendak perundangan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pengarah, Bursa Saham, kehendak pemegang saham, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pihak bank yang memberi pinjaman. Tindakan bergantung kepada maklumat dari laporan Juruaudit ini dibuat adalah kerana Juruaudit Dalam mempunyai pengalaman luas yang berkaitan dengan kegagalan dan kesilapan dalam pelaksanaan kerja berkenaan. Oleh itu pengalaman ini digunakan oleh

pihak swasta untuk merancang masa depan syarikat mereka dengan lebih berkesan.

h. Perbandingan standard yang ditetapkan oleh pihak di sektor swasta dengan pihak sektor awam. Ia berkaitan dengan laporan audit, di mana Dato' Ahmad melaporkan bahawa 81% Juruaudit Dalam telah berjaya mengeluarkan laporan mereka, sedangkan di Sektor Swasta, sekiranya Juruaudit Dalam telah mencapai sejumlah 90% laporan dikeluarkan pun khidmat mereka mungkin akan diberhentikan. Selain itu, sekiranya laporan yang dikeluarkan berkenaan tidak menepati maksudnya pula mereka akan dimarahi. Tindakan sedemikian dilakukan adalah berdasarkan bahawa sektor swasta menganggap Juruaudit Dalam adalah sebahagian dari urusan perniagaan mereka. Perbandingan ini dibuat bagi menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan Juruaudit Dalam di Sektor Swasta.

i. Ahli panel menegaskan sekali lagi bahawa peranan Juruaudit Dalam dalam Sektor Swasta telah berubah dengan mendadaknya disebabkan oleh krisis kewangan di Asia. Ini ditambah pula dengan peningkatan kesedaran di kalangan pihak pemegang saham yang mahu pihak pengurusan meningkatkan serta mengamalkan tadbir urus korporat yang baik. Ia bertujuan untuk mendapatkan pulangan yang tinggi dari pelaburan yang mereka lakukan.

Puan Fatimah Bt. Abu Bakar

President, The Institute of Internal Auditors Malaysia

5. ISU DAN CABARAN

a. Ahli panel ini memulakan perbincangan dengan menyatakan bahawa tadbir urus korporat yang baik dapat ditingkatkan melalui pengauditan dalaman yang berkesan selain dari meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam sektor swasta dan juga sektor awam.

(i) Meningkatkan akauntabiliti, integriti dan sistem penyampaian organisasi

Audit Dalam pula adalah merupakan penyemakan secara bebas terhadap objektif dan corak aktiviti bagi menambah nilai serta membantu merapikan urusan sesuatu operasi organisasi. Keberkesanan peranan ini dapat dilaksanakan melalui 3 bahagian seperti berikut:-

Pertamanya membantu organisasi menyempurnakan operasinya secara sistematik dan berdisiplin bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko terhadap kawalan dan tadbir urusnya. Sehubungan itu, kewujudan Audit Dalam dapat membantu Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

Keduanya mewujudkan fungsi Juruaudit Dalam yang berkesan. Ini dapat dilakukan dengan menetapkan kualiti terhadap fungsi Juruaudit Dalam berkenaan. Keberkesanan fungsi Juruaudit Dalam adalah asas yang teguh bagi proses Jawatankuasa Audit. Ini juga memastikan maklumat yang disampaikan kepada Lembaga Pengarah adalah berasaskan fakta yang relevan.

(ii) Sejauh mana peranan Unit Audit Dalam dapat saling melengkapi peranan audit luar.

Juruaudit Dalam adalah bertanggungjawab untuk memberi penilaian secara bebas terhadap organisasi tersebut. Mereka juga memberikan nasihat berkaitan dengan potensi memperbaiki proses dan kawalan terhadap pengurusan risiko. Manakala bagi Juruaudit Luar pula peranannya adalah untuk memberi pendapat mereka terhadap Penyata Kewangan dan Aktiviti. Bagi menyempurnakan tanggungjawab tersebut, Juruaudit Luar perlu menyelaraskan kerja mereka

dengan kerja yang telah dilaksanakan oleh Juruaudit Dalam sebelum menyediakan rancangan pengauditan mereka. Tujuan adalah untuk menentukan perkara yang *material* diberi tumpuan yang lebih. Ada kemungkinan wujud ketidaksamaan semasa mereka menjalankan kerja masing-masing. Bagaimanapun, pada akhirnya kedua-dua Juruaudit Dalam dan Luar ini mempunyai peranan yang sama iaitu memberi kepastian kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan pihak pengurusan mengenai keadaan organisasi yang diaudit mereka. Antaranya berkaitan dengan objektif perniagaan, kejayaan pengendalian dan pelaksanaan program mereka.

Juruaudit Dalam sepatutnya terlibat dalam projek ini dari peringkat awal lagi iaitu seawal di peringkat perancangan. Ini kerana Juruaudit Dalam dapat membantu mempengaruhi pihak pengurusan organisasi secara menyeluruh dalam program projek yang hendak dijalankan termasuk dalam Jawatankuasa Pemandu.

(iii) Bagaimana UAD boleh menjayakan program Kerajaan

Juruaudit Dalam pada masa kini mempunyai peranan baru iaitu sebagai penasihat dan nama Unit Audit Dalam telah ditukar kepada Unit Audit Dalam dan Penasihat (Internal Audit and Advisory Unit). Bagaimanapun, peranan untuk memberi nasihat dalam bidang perniagaan ini masih belum mampu dilaksanakan sepenuhnya oleh Juruaudit Dalam sama ada di sektor awam mahu pun sektor swasta. Pada masa ini adalah sukar bagi Juruaudit Dalam ini untuk melaksanakan fungsi sebagai penasihat perniagaan sekiranya kerja yang dilaksanakan oleh Juruaudit Dalam ini masih berkisar kepada pengauditan pematuhan. Fungsi baru sebagai penasihat atau sebagai agen penggerak kepada perubahan ini, memerlukan kesedaran yang tinggi terhadap tadbir urus yang baik di kalangan pihak pengurusan atasan, Jawatankuasa Audit dan sumber manusia yang terlibat dalam organisasi tersebut. Ini kerana sumber manusia adalah merupakan faktor pergerakan kepada sesuatu perkara. Oleh itu, kita perlu menanamkan kesedaran di kalangan mereka terhadap rangka tadbir urus yang baik, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Juruaudit Dalam, Juruaudit Luar dan setiap individu dalam organisasi tersebut.

Bagi mencapai maksud tersebut juga, perlu diadakan semakan ke atas tadbir urus yang diamal dan strukturnya bagi memastikan akauntabiliti dan integritinya. Selain itu, perlu juga diberi galakan untuk membangunkan program tatasusila kelakuan dan melakukan pemantauan keatasnya. Perkara lain yang penting adalah perkara berkaitan dengan budaya pengurusan risiko. Tanggungjawab tersebut adalah terletak kepada Lembaga Pengarah sebagai pihak pengurusan atasan. Bagi membolehkan Juruaudit Dalam melaksanakan peranan mereka sebagai penasihat, mereka perlulah mempunyai ilmu pengetahuan.

(iv) Bagaimana UAD boleh dipertingkatkan contoh, dari segi perjawatan, pengalaman, latihan dan sebagainya.

Peranan sesuatu organisasi tersebut tidak akan berkesan sekiranya Juruaudit Dalamnya tidak berfungsi secara berkesan. Keberkesanan Juruaudit Dalam pula bergantung kepada faktor tenaga manusianya iaitu mereka perlulah mempunyai kualiti yang baik terutamanya bagi jawatan ketua UAD. Sekiranya tidak dapat pegawai yang terbaik, sekurang-kurangnya beliau mempunyai sikap yang betul. Ini bagi memudahkan tunjuk ajar diberikan kepada mereka, kerana adalah sukar untuk memberi tunjuk ajar sekiranya pegawai berkenaan tidak mempunyai sikap yang betul.

Kebiasaannya staf yang ditempatkan di UAD adalah mereka yang tidak boleh menjalankan kerja dengan baik. Sekiranya keadaan sedemikian berlaku secara berterusan akan menyebabkan UAD sukar untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Dari segi pembangunan dan latihan pula, kita perlu memberi galakkan supaya organisasi melaburkan masa dan kewangannya untuk memberi latihan sepanjang hayat kepada pegawainya dan menyokong mereka mengikuti kursus profesional. Ini bagi memastikan Juruaudit dalam adalah profesional dan kompeten semasa menjalankan tanggungjawab mereka. Antaranya boleh menghantar mereka mengikuti kursus di Institute Intenal Auditor kerana mereka mendapat pengiktirafan secara global.

Selain latihan, bayaran gaji kepada Juruaudit Dalam juga perlu diberi perhatian kerana untuk mendapat pegawai yang berkompeten, sesuatu organisasi itu perlulah sanggup untuk membayar gaji yang lebih tinggi. Selain itu, Ketua Juruaudit Dalam pula perlulah dari golongan berpengalaman dan sama atau hampir setaraf dengan pihak pengurusan.

Juruaudit Dalam yang kurang pengetahuan berkaitan dengan bidang perniagaan bukan sahaja dialami oleh sektor awam tetapi juga di sektor swasta. Mengikut kajian yang dibuat terhadap GLC, didapati daripada 20 hingga 30 pegawai Audit Dalam tidak seorang pun dari terdiri dari akauntan dan mereka juga tidak mempunyai pengalaman dalam bidang yang diaudit.

Bagi membantu Jawatankuasa Audit melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan, Institusi Juruaudit Dalam perlulah teguh, bebas dan tidak gentar untuk bersuara atas perkara yang benar. Juruaudit Dalam mesti berani bersuara bagi membantu mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti dalam sistem penyampaian sesuatu organisasi sama ada berada di sektor swasta atau awam.

5. RUMUSAN

Mengikut statistik, hampir semua UAD telah melaksanakan tugas seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling. Juruaudit Dalam boleh memainkan peranannya sebagai penggerak kepada sesuatu agensi. Ini kerana berkemungkinan agensi berkenaan tidak berapa peka terhadap sesuatu perkara di luar aturan yang mungkin akan berlaku apabila sesuatu kerja dilaksanakan pada masa akan datang. Oleh itu Juruaudit Dalam boleh memainkan peranannya sebagai penasihat kepada agensi berkenaan.

Secara kesimpulannya juga UAD perlu mempunyai tenaga manusia yang berkualiti, mempunyai sikap yang betul dan menyediakan program latihan yang berkaitan. Setiap cabaran itu ada peluangnya untuk menunjukkan aktiviti dan akan membawa penambah nilai kepada fungsi Juruaudit Dalam pada masa kini.

Berkenaan kebebasan Juruaudit Dalam di sektor swasta memang jelas mempunyai kebebasan tersebut. Kebebasan Juruaudit Dalam di agensi kerajaan

adalah juga sangat kritikal kerana mereka adalah merupakan mata yang perlu menentukan agensi berkenaan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dan berintegriti.

Juruaudit Dalam juga merupakan sistem amaran awal terhadap kerja yang akan dilaksanakan. Adalah lebih baik Juruaudit Dalam terlibat dari peringkat awal perancangan supaya kesilapan dapat dikesan di peringkat awal.

Untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam tidak seharusnya berdiam diri apatah lagi bersubahat jika ada apa perlakuan yang tidak seharusnya berlaku telah berlaku di tempat kerja. Oleh itu pegawai audit diperlukan untuk menjadi pemantau salah laku atau ketidak fahaman yang mungkin berlaku di sesebuah organisasi.

**PERBINCANGAN PANEL 2:
AUDIT DALAMAN DI SEKTOR AWAM – ISU DAN CABARAN**

Panel

Y. Bhg. Datu William Lee Boon Tong Pengarah Audit Dalam,

Jabatan Ketua Menteri Sarawak

**Encik Said Ahir Bin Said Abdullah, Setiausaha Bahagian Audit Dalam,
Kementerian Pelajaran Malaysia**

**Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali
Juruaudit Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak**

**Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman
Pengurus Audit Dalam, Lembaga Tabung Angkatan Tentera**

**Puan Mariah Bt. Mohamad Said
General Manager, Group Internal Audit Department, PETRONAS**

**Pengerusi: Y. Bhg. Dato' Hj. Zahani Bin Tan Sri Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Audit UiTM**

1. PENDAHULUAN

Sesi perbincangan panel ini telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Hj. Zahani Bin Tan Sri Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Audit UiTM. Ahli panel yang telah menjayakan perbincangan ini adalah terdiri daripada Ketua Unit Audit dalam di pelbagai organisasi iaitu Y. Bhg. Datu William Lee Boon Tong Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Encik Said Ahir Bin Said Abdullah, Setiausaha Bahagian Audit Dalam, Kementerian Pelajaran Malaysia, Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali, Juruaudit Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak, Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman, Pengurus Audit Dalam, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Puan Mariah Bt. Mohamad Said, General Manager, Group Internal Audit Department, PETRONAS. Mereka mempunyai pengalaman luas dalam bidang audit dalam .

**Y. Bhg. Datu William Lee Boon Tong Pengarah Audit Dalam,
Jabatan Ketua Menteri Sarawak**

**Encik Said Ahir Bin Said Abdullah, Setiausaha Bahagian Audit Dalam,
Kementerian Pelajaran Malaysia**

**Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali
Juruaudit Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak**

2. PELAKSANAAN AUDIT DALAM DI SEKTOR AWAM

a. Ahli-ahli panel ini telah menyentuh tentang pelaksanaan pengauditan audit dalaman dalam sektor awam yang melaksanakan belanjawan berasaskan program dan prestasi. Kerajaan juga terlibat secara meluas terhadap projek Kerajaan elektronik dan peranan Jabatan Audit Dalaman adalah untuk memberi bantuan bagi mempertingkatkan integriti dan akauntabiliti wang awam.

b. Jabatan Audit Dalaman menjalankan fungsi audit dalaman berasaskan kepada rancangan audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Objektif utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menjalankan kajian yang tetap dan sistematik terhadap sistem kawalan dalaman bagi memberi jaminan yang berpatutan bahawa sistem berkenaan terus beroperasi secara memuaskan dan berkesan.

c. Dari segi kuasa pemeriksaan, Juruaudit Dalaman mempunyai kuasa untuk memeriksa semua dokumen dan mendapat sokongan daripada pihak pengurusan.

d. Juruaudit Dalaman hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan *cost accounting* supaya ia boleh mengkaji dan memberi komen terhadap *costing* bagi aktiviti-aktiviti.

e. Juruaudit Dalaman juga perlu mempunyai kepakaran untuk membantu organisasi dalam mengenal pasti jenis risiko yang dihadapi semasa ia melaksanakan aktivitinya. Oleh itu Juruaudit Dalaman hendaklah diberi peluang dan dilatih mengenai proses urusniaga dan juga persekitarannya. Jika tidak syor dan komen yang diberi mungkin tidak relevant kepada organisasi. Setelah

mengenal pasti risiko, Juruaudit Dalaman hendaklah memberi cadangan terhadap kawalan dalaman yang sesuai untuk *mitigate* risiko yang dihadapi.

f. Selain itu Juruaudit Dalaman perlu mempunyai kebolehan untuk mengaudit sistem berkomputer dan boleh memberi penilaian sama ada pangkalan data sistem berkomputer itu *reliable* dan data yang disimpan adalah berintegriti supaya ia dapat digunakan bagi memastikan organisasi boleh membuat keputusan yang tepat berasaskan maklumat dan data yang betul. Juga ditekankan adalah penilaian sama ada organisasi boleh meneruskan urusniaganya jika *sistem down*.

g. Perlantikan Juruaudit Dalaman dalam sektor awam adalah tidak mudah untuk mendapat pegawai yang berpengalaman terutama bagi Jabatan Audit Dalaman yang baru ditubuhkan. Juruaudit Dalaman juga perlu mempunyai minda yang sentiasa bertanya. Generasi muda hendaklah dididik agar mereka sentiasa ingin melaksanakan tugas dengan kaedah yang lebih baik.

h. Juruaudit Dalaman juga boleh membantu organisasi mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti sekiranya organisasi mendokumenkan pelan strategik dan operasinya.

i. Organisasi juga perlu mempunyai saluran laporan yang jelas agar pegawai mengetahui seseorang itu bertanggungjawab kepada siapa dan apakah tanggungjawabnya. Apabila pelan didokumenkan, maka sasaran dapatlah ditentukan. Organisasi juga perlu menentukan ciri-ciri kualiti output kerana kualiti adalah subjektif.

j. Jabatan Juruaudit Dalaman diletak di bawah Jawatankuasa Audit dari segi tugas manakala aspek pentadbiran adalah di bawah Ketua Jabatan atau Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa Audit perlu berfungsi dengan berkesan iaitu secara *without fear or favour*. Keberkesanan Jawatankuasa Audit merupakan satu motivasi kepada Juruaudit Dalaman.

3. ISU DAN CABARAN

Ahli panel ini telah menyentuh tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Audit Dalaman di syarikat PETRONAS.

a. Dari segi kerja yang dilaksanakan JAD bukan sahaja menjalankan pengauditan dalaman tetapi juga memberi perkhidmatan khidmat nasihat terutamanya dalam aspek kawalan bagi fungsi baru atau entiti yang baru ditubuhkan. JAD juga memainkan peranan sampingan kepada pengurusan dalam *profiling risk* dan memastikan risiko berkaitan diambil kira.

b. PETRONAS mempunyai operasi di lebih 20 negara dan secara keseluruhan JAD bertanggungjawab untuk mengaudit lebih 100 entiti termasuk subsidiari dan syarikat usaha sama.

c. JAD mempunyai 49 anggota dan tidak boleh sentiasa menambah pekerja. Oleh itu ia perlu membuat perancangan yang teliti untuk menggunakan sumber manusia yang terhad untuk menjalankan pengauditan.

d. JAD mempunyai kuasa penuh untuk memperolehi rekod dan maklumat dan bagi aspek yang tiada kepakaran dalaman ia diberi kebebasan untuk mendapatkan perkhidmatan luar khususnya dalam bidang ICT. Kelayakan pegawai audit dalaman adalah daripada pelbagai bidang seperti jurutera, akauntan, personel pemasaran, IT dan perolehan. Bagaimanapun mereka bukan tetap sebagai Juruaudit Dalaman kerana PETRONAS tidak ada karier sebagai Juruaudit Dalaman. Mereka akan dihantar balik ke operasi selepas berkhidmat selama 3 hingga 5 tahun sebagai Juruaudit Dalaman.

e. Cabaran JAD adalah memahami perniagaan PETRONAS yang telah berkembang dan terlibat dalam industri perkilangan, perniagaan downstream seperti pemasaran, perdagangan dan juga terlibat dalam hartanah. JAD mempunyai banyak aspek yang perlu diaudit tetapi mempunyai masa terhad. Bagaimanapun setakat ini cabaran ini dapat ditangani. Mengenai penggunaan

sumber manusia JAD mempunyai satu unit khas yang terlibat dengan perancangan pengauditan dan juga penggunaan sumber manusia.

f. Di samping itu PETRONAS mempunyai beberapa aplikasi komputer untuk membantu operasi yang luas dan diversified. Semua dokumentasi adalah secara online dan pengauditan secara online perlu dilaksanakan. Oleh itu, JAD perlu memahami aplikasi dan sistem yang merupakan satu cabaran.

g. Isu lain yang dihadapi ialah perniagaan usaha sama dengan syarikat asing seperti British Gas dari United Kingdom, Dow Chemical dari Amerika Syarikat, BP, MOBIL dan lain-lain. Syarikat asing mempunyai budaya berlainan dan aspirasi berlainan dari segi pelaksanaan pengauditan. Oleh itu pengauditan akan berbeza dari segi skop, pelaporan, saiz sumber manusia dan tahap pengalaman. JAD juga perlu boleh mengurus perbezaan ini supaya dapat memahami antara satu sama lain untuk bekerja sebagai satu pasukan.

h. Satu lagi cabaran kepada JAD adalah klasifikasi isu-isu audit iaitu *significant*, *secondary* dan *housekeeping*. Pihak auditi ingin semua isu diklasifikasikan sebagai *housekeeping* supaya tidak dibangkitkan kepada Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun pihak JAD perlu mematuhi klasifikasi isu yang telah diluluskan. Klasifikasi ini mengambil masa manakala laporan audit perlu dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit dalam tempoh yang ditetapkan.

i. Cabaran lain adalah mengenalpasti perkara-perkara yang perlu diaudit. Ini mengambil masa 3 hingga 4 bulan berasaskan risiko yang paling tinggi. Pada masa yang sama pihak pengurusan meminta supaya tidak mengabaikan aspek yang kurang berisiko. Oleh itu untuk menyediakan satu rancangan audit yang seimbang adalah satu cabaran.

j. JAD menghadapi cabaran untuk mendapat pegawai *multidisiplin* untuk memasuki JAD. Ada di antara pegawai mempunyai tanggapan berlainan iaitu tugas JAD adalah *very challenging* atau bosan dan ada pula yang tidak mahu kehilangan kawan. Ini semua memerlukan usaha untuk menerangkan dan mengubah persepsi pegawai.

Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman
Pengurus Audit Dalam, Lembaga Tabung Angkatan Tentera

4. MENANGANI ISU AUDIT DALAMAN

- a. Jabatan Audit Dalam boleh menyediakan perancangan strategik bagi menangani isu dan cabaran yang diketengahkan bagi masa kini dan masa depan. Pelan strategik ini dibincang dalam Jawatankuasa Audit dan dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- b. Mengambil pegawai Unit Audit Dalam yang mempunyai kelayakan minima yang ditetapkan. Ini akan menjamin kualiti pegawai Unit Audit Dalam yang boleh dilatih.
- c. Di antara strategi, sasaran dan pelan tindakan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - i. mempertingkatkan kualiti kerja pengauditan
 - ii. meningkatkan keupayaan khidmat nasihat
 - iii. mempertingkatkan kemahiran dalam bidang pengauditan ICT
 - iv. mempertingkatkan budaya kerja berkualiti dan berintegriti berdasarkan kod etika profesional
 - v. menerapkan nilai kerohanian dan mengurus modal insan melalui pembelajaran berterusan
 - vi. melaksanakan petunjuk prestasi bagi setiap anggota JAD dan juga bagi Jabatan.

5. RUMUSAN

Panel ini telah bersetuju isu bahawa kelayakan dan pengalaman Juruaudit Dalam adalah penting untuk memastikan Unit Audit Dalam boleh berfungsi dengan berkesan. Semua Unit Audit Dalam mempunyai kuasa mengaudit yang luas contohnya boleh memeriksa semua rekod dan dokumen. Pengauditan sistem berkomputer semakin penting dan biasanya diberi kepada pihak luar yang mempunyai kepakaran. Jabatan Audit Dalam mempunyai strategi masing-masing untuk menangani isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi. Juga ditekankan adalah pentingnya keprihatinan Juruaudit Dalam terhadap risiko yang dihadapi oleh organisasi dan perlunya sentiasa melengkapkan diri kepada persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Juruaudit Dalam juga perlu memahami selok belok perniagaan baru yang diceburi oleh organisasi.

ISU BERBANGKIT SEMASA SESI SOAL JAWAB

1. PENDAHULUAN

Seramai 12 peserta telah membangkitkan soalan semasa sesi soal jawab di akhir setiap pembentangan kertas kerja dan perbincangan panel. Isu tersebut telah dibangkitkan oleh peserta dari pelbagai Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan, LOFSA, Institut Juruaudit Dalaman dan Unit Audit Dalam. Di antara peserta tersebut adalah;

- a. Lembaga Pesisir Kewangan Luar Pantai Labuan (LOFSA)
- a. Institut Juruaudit Dalaman
- b. Jabatan Audit Negara
- c. Unit Audit Dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- d. Unit Audit Dalam Universiti ITM
- e. Perbadanan Johor

2. ISU BERBANGKIT

a. Peranan Audit Dalaman

Penglibatan Juruaudit Dalaman dalam operasi organisasi dan *decision making* boleh menimbulkan *conflict of interest* dan satu pelanggaran etika profesion Juruaudit Dalam. Oleh itu Juruaudit Dalaman perlu jelas peranan masing-masing dan tidak terlibat dalam *decision making*.

b. Keberkesanan Audit Dalam

Isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak audit sentiasa berulang contohnya projek lewat siap dan melibatkan lanjutan masa. Oleh itu di mana keberkesanan Jabatan Audit Dalaman jika kelemahan yang dibangkitkan sentiasa berulang. Dari segi keberkesanan audit, pandangan audit ada diambil kira untuk tujuan kenaikan pangkat. Juga ada pegawai kanan tidak dinaikkan pangkat oleh kerana penemuan audit. Terdapat juga kakitangan dibuang kerja kerana unsur penyelewengan dan kakitangan yang telah diambil tindakan tatatertib kerana teguran audit.

c. Karier seorang Juruaudit Dalaman

PETRONAS tidak mempunyai bidang Juruaudit Dalaman sebagai suatu karier. Kakitangan Juruaudit Dalaman diambil daripada operasi untuk berkhidmat di JAD PETRONAS iaitu di antara 3 atau 5 tahun. Pada setiap masa 70% pegawai akan dikekalkan dan hanya 30% anggota akan bergerak keluar atau masuk. Apabila timbul kekosongan jawatan tetap pegawai JAD itu akan dicadangkan untuk mengisi kekosongan. Amalan ini akan memastikan *continuity* kerja dan pegawai.

d. Pengauditan prestasi di PETRONAS

Pengauditan prestasi ada dijalankan di PETRONAS dan ia termasuk dalam skop pengauditan setiap entiti.

e. Bagaimana memastikan Unit Audit Dalam mempunyai pegawai yang kompeten?

Masalah kekurangan pegawai di UAD sektor awam amat kritikal dan perlu tindakan segera. Dari segi peningkatan kompetensi dan pembelajaran berterusan adalah diharapkan Akademi Audit Negara menyediakan ruang dan peluang kepada pegawai UAD mengikuti kursus-kursus profesional untuk mempertingkatkan kaedah pengauditan terkini.

f. Jabatan Audit Dalaman dianggap tidak penting dan kurang sokongan oleh pihak atasan

Ketua Unit Audit Dalam perlu memberi sesi-sesi taklimat kepada auditi peranan sebenar Jabatan Audit Dalaman supaya pihak auditi tidak rasa takut kepada Audit Dalaman. Sesi-sesi perbincangan untuk mengenal pasti masalah dan memberi jaminan kepada pihak auditi bahawa tujuan sebenar adalah untuk membantu dan segala peningkatan produktiviti atau keuntungan akan dikongsi bersama oleh semua anggota organisasi. Pihak Jabatan Audit Dalaman sendiri perlu mempromosikan Jabatan atau Unit Audit Dalam dengan menunjukkan bagaimana ia boleh menyumbang kepada organisasi dari segi kualiti laporan contohnya yang boleh memberi suatu impak kepada organisasi.

**SEMINAR AUDIT DALAM
DI AKADEMI AUDIT NEGARA PADA 29 MEI 2007**

**INTI PATI UCAPAN PENUTUP OLEH
Y. BHG. TAN SRI DATO' SETIA HJ. AMBRIN BIN BUANG,
KETUA AUDIT NEGARA**

Y. Bhg. Tan Sri KAN mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli panel, pembentang kertas kerja dan juga semua peserta yang hadir pada hari tersebut. Pengumpulan Juruaudit Dalam pada hari berkenaan bukan sahaja dapat berkongsi pengalaman dan berkongsi frustration dan sebagainya tetapi juga merupakan satu permulaan ke arah program-program untuk meningkatkan keberkesanan Juruaudit Dalam di mana juga mereka berada. Sekiranya ada keperluan, permintaan dan sokongan dari Juruaudit Dalam pihak Jabatan Audit Negara tidak ada masalah untuk menganjurkan Simposium, Conference, Retreat, Brainstorming atau lain-lain khusus untuk memberi fokus kepada peranan Juruaudit Dalam dalam sektor awam. Ini adalah sebagai mengiktiraf tentang betapa penting peranan yang dimainkan oleh Juruaudit Dalam. Y Bhg Tan Sri menyeru supaya semua peserta menganggap pelbagai kekurangan yang diutarakan dalam seminar ini sebagai satu cabaran bahkan satu lumrah hidup di mana sebagai Juruaudit kita perlu menghadapinya. Y. Bhg Tan Sri juga percaya semua peserta masih berpegang kuat kepada 4 prinsip yang beliau nyatakan semasa pembukaan iaitu Akauntabiliti, Integriti, Transparency dan Efficiency. Jabatan Audit Negara sendiri atau pihak Unit Audit Dalam (UAD) sendiri tidak mampu menangani semua isu di hadapan kita. Tetapi kita harus memberi apa yang terbaik. Beliau percaya kenaikan gaji baru-baru ini akan memberi semangat baru kepada semua Juruaudit supaya memperhebatkan, menunjukkan keazaman untuk membuat yang terbaik. Apa yang kita ingin lihat adalah penambahbaikan yang berterusan. Pertukaran staf dari semasa ke semasa di tempat kerja dan di tempat auditi adalah di antara sebab kesilapan-kesilapan terdahulu masih berulang. Seminar hari ini ada yang menimbulkan keberkesanan terhadap sejauh mana Laporan Audit yang membawa kepada perubahan. Ada keadaan di mana Unit Audit Dalam telah berjaya menunjukkan keberkesanan dari segi mendatangkan perubahan. Misalnya tindakan yang diambil terhadap

pegawai yang menyalahgunakan kuasa atau menyeleweng. Mungkin yang terlibat satu dua orang tetapi dengan tindakan ini sekurang-kurangnya memberi satu amaran mereka sentiasa diperhatikan oleh orang audit. Baru-baru ini ada satu kes penyelewengan di sebuah badan berkanun telah dikesan melalui laporan daripada Unit Audit Dalamnya. Jadi peranan UAD tidak perlu dipertikaikan. Apa yang diperlukan adalah sentiasa berwaspada sentiasa meningkatkan keupayaan dari segi modal insan. Y. Bhg Tan Sri menyatakan bahawa peserta mengutarakan kekurangan ilmu pengetahuan. Beliau memberitahu ini adalah sesuatu yang kita boleh ambil tindakan bersama. Permulaan yang beliau katakan tadi adalah sejauh mana UAD dan Jabatan Audit dapat bekerjasama untuk meningkatkan keberkesanan di antara satu sama lain. Ini adalah penting kerana ada perkara yang tidak dapat dilaksanakan oleh UAD sendiri. Y. Bhg Tan Sri juga memberi jaminan bahawa aktiviti-aktiviti Akademi Audit Negara bukan terhad kepada anggota Jabatan Audit Negara tetapi juga terbuka kepada sesiapa sahaja. Ini adalah kerana Kerajaan telah melabur begitu banyak wang dalam Akademi dengan kemudahan yang canggih dan selesa. Jadi dari segi memberi pulangan dan impak beliau rasa Akademi ini mampu dan harus memainkan peranannya untuk meningkatkan modal insan kepada Juruaudit di mana juga mereka berada. Oleh itu para peserta diseru untuk memberitahu apa kursus yang diperlukan. Jabatan Audit Negara sudi mengambil semua anggota Juruaudit Dalam sebagai adik angkat. Peserta seminar ini juga telah mencadangkan latihan diberi sehingga ke tahap profesional dan Y. Bhg Tan Sri telah pun membincang dengan Presiden IIAM untuk sama-sama menganjurkan pembelajaran secara jarak jauh. Ini adalah untuk mempertingkatkan dari segi ilmu pengetahuan dan dari segi kapasiti teknikal.

Y. Bhg Tan Sri meminta para peserta untuk membaiki keadaan misalnya Kerajaan tidak puas hati dengan kedudukan Malaysia dalam World Corruption Index dan kita tahu di mana rasuah itu berlaku. Cuma kita tidak tahu sejauh mana ia berlaku kalau tidak ada laporan dibuat. Sebagai warganegara yang berpelajaran, semua peserta bertanggungjawab untuk membantu Kerajaan memperbaiki ranking kita dalam Corruption Index. Sekiranya para peserta rasa tidak dapat menyuarakan isu kerana kekangan dalam organisasi para peserta diseru memberitahu Y. Bhg Tan Sri sendiri. Beliau ingin mewujudkan networking

yang berkesan bukan sahaja untuk membanteras rasuah tetapi juga pemborosan dan pembaziran. Beliau akan menggunakan kedudukan beliau di dalam mesyuarat-mesyuarat tertinggi untuk mengetengahkan perkara-perkara yang tak betul supaya isu-isu ini tidak terkubur. Ini adalah kerana YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara sentiasa menyeru supaya memberi perhatian kepada teguran Ketua Audit Negara.

Dalam bidang ICT Jabatan Audit Negara kini terlibat dalam mesyuarat di peringkat atas dan Jabatan Audit berani membuat teguran pada masa lepas. Kita membuat ini demi untuk Negara dan untuk semua pembayar cukai dalam Negara ini. Di samping itu beliau juga mempunyai networking yang baik dengan Biro Pencegah Rasuah dan Panel Kenaikan Pangkat.

Y Bhg Tan Sri memberitahu bahawa hasil dari auditan Jabatan Audit terhadap pengurusan kewangan pegawai pengawal di jawatan JUSA ke atas, pengesahan seseorang pegawai itu boleh ditunda. Pada masa ini bagi mereka yang ada isu-isu material, Y. Bhg Tan Sri sendiri akan tulis surat pemerhatian kepada pegawai berkenaan dengan disalinkan kepada Ketua Setiausaha Negara , Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Y. Bhg Tan Sri juga memberitahu bahawa pada mesyuarat KSU baru-baru ini Ketua Akauntan Negara telah membentangkan laporan mengenai pelaksanaan eSPKB. Apa yang memeranjatkan di antara kelemahannya adalah 91 % pembayaran tidak mempunyai dokumen sokongan. eSPKB sepatutnya membantu penyediaan penyata kewangan Kerajaan tetapi *the downside is internal control*. Implikasinya adalah orang yang tidak memberi perkhidmatan pun boleh dapat bayaran.

Y. Bhg Tan Sri memberitahu bahawa beliau telah mendapat persetujuan kerajaan untuk melaksanakan Indeks Akauntabiliti. Para peserta diseru untuk membantu organisasi masing-masing mendapat Indeks Akauntabiliti yang baik kerana ia merupakan satu Indeks yang Ketua Jabatan boleh merasa bangga.

Y.Bhg Tan Sri juga memaklumkan bahawa sebelum ini hanya ada satu laporan federal bagi Kerajaan Persekutuan tetapi pada tahun ini kita ada laporan bagi setiap Kementerian di mana setiap Kementerian akan diberi ranking mengikut Indeks Akauntabiliti.

Y. Bhg Tan Sri juga menyentuh mengenai keberkesanan di mana terdapat Kementerian melantik pegawai UAD di kalangan pegawainya sendiri dan mereka merasa terpinggir. Jika ada permintaan dari Kementerian yang berkenaan, Jabatan Audit bersedia untuk meminjamkan pegawai yang berpengalaman untuk berkhidmat di bawah Unit Audit Dalam Kementerian.

Y Bhg Tan Sri menyeru UAD di organisasi masing-masing mengambil perhatian terhadap beberapa aspek iaitu perolehan di mana Kerajaan telah membayar harga yang jauh lebih tinggi berbanding harga pasaran. Yang kedua dari segi sistem ICT kerana Kerajaan telah banyak belanja tetapi tidak dapat apa yang dijanjikan oleh vendor. Selain itu, adalah pengurusan aset kerajaan yang mana untuk mengatasi masalah pengurusan aset terdapat solution menggunakan MYAsset iaitu secara berkomputer. Satu lagi bidang yang tidak dapat dielakkan ialah memantau projek-projek di bawah RMK 9. Y Bhg Tan Sri mencadangkan agar pengauditan dimulakan semasa projek dalam peringkat 30- 40% siap kerana jika diaudit selepas projek gagal dan terbengkalai ia sudah lambat. Dengan adanya laporan yang semasa dan terkini, ia akan membantu mengelak pembaziran. Pada masa ini Kerajaan mementingkan impak dan *outcome* berbanding dengan output. Output adalah berapa sekolah siap dibina tetapi apakah impaknya. Adakah ia memberi manfaat kepada golongan sasaran. UAD boleh membantu organisasi dengan membuat impact study. Sebenarnya Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam boleh mengadakan impact study bersama.

Y Bhg Tan Sri juga percaya dengan ini UAD boleh benar-benar berkesan dan relevan kepada stakeholder kerana Kerajaan memang ingin melihat perbelanjaan wang awam itu sentiasa dibuat mengikut peraturan.

Sekian terima kasih.

RUMUSAN

Seminar Audit Dalam yang diadakan pada 29 Mei 2007 di Akademi Audit Negara, Sepang Negeri Sembilan dan temanya adalah “Meningkatkan Akauntabiliti Dan Integriti Melalui Audit Dalaman Yang Berkualiti” telah disertai seramai 382 peserta termasuk Panel Penceramah. Dari soal selidik yang dikemukakan kepada peserta didapati penceramah prestasi penceramah dan kesesuaian topik yang dipilih adalah memuaskan.


Seminar Audit Dalam

**Meningkatkan Akauntabiliti Dan
Integriti Melalui Audit Dalaman
Yang Berkualiti**

Akademi Audit Negara

29 Mei 2007

Kata Aluan Ketua Audit Negara



Assalamualaikum w.b.t. dan Selamat Sejahtera.

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat berhimpun dalam majlis ini. Seminar Audit Dalam dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara buat julung kalinya bertujuan bagi membolehkan Pegawai Audit Dalam Perkhidmatan Awam bertemu serta bertukar-tukar pendapat dan berkongsi pengalaman bagi meningkatkan keberkesanan peranan audit dalaman. Tema Seminar pada kali ini adalah Meningkatkan Akauntabiliti Dan Integriti Melalui Audit Dalaman Yang Berkualiti.

Sebagaimana kita sedia maklum, audit dalaman memainkan peranan sangat penting bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan urus tadbir baik dalam sesebuah organisasi. Melalui pengauditan yang berkesan juga, Unit Audit Dalam boleh berperanan membantu pihak pengurusan meningkatkan tahap pengurusan dan penyampaian perkhidmatan. Dalam konteks pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sembilan pula, Unit Audit Dalam boleh memainkan peranan yang proaktif bagi menjayakannya dengan membuat semakan terhadap projek yang sedang berjalan dan tidak menunggu sehingga ia selesai dilaksanakan. Dengan cara ini sebarang kelemahan dapat diperbetulkan lebih awal dan mengelakkan daripada berlakunya kecacatan dan pembaziran.

Saya juga berpendapat bahawa peranan Unit Audit Dalam saling melengkapi (complement) dengan peranan Jabatan Audit Negara dalam bidang pengauditan yang dilaksanakan. Melalui kerjasama erat antara kedua pihak diharap akan dapat merealisasikan visi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan seminar ini.

Sekian, terima kasih.

“Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti”

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)


Ketua Audit Negara

Malaysia.



Aturcara Majlis

- 7.30 pagi Pendaftaran Dan Ketibaan Para Peserta
- 8.40 pagi Ketibaan Ketua Audit Negara
Nyanyian Oleh Kumpulan Koir JAN
- Lagu Negara Ku
- Lagu Korporat Jabatan Audit Negara
Bacaan Doa
Ucaptive Dan Perasmian Oleh
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara
- 9.30 pagi **Perbincangan Panel I: Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Melalui Audit Dalaman Yang Berkualiti**
- Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan
 - Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Lau Ban Ting
President, Association of International Accountants, Malaysia Branch
 - Puan Fatimah Bt. Abu Bakar
President, The Institute of Internal Auditors Malaysia
- Moderator* : Y. Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh
Presiden Institut Integriti Malaysia
- 11.30 pagi **Pembentangan Kertas Kerja :
Keberkesanan Audit Dalaman – Pengalaman TM Berhad**
- Pembentang : Encik Hashim Bin Mohammed
Group Chief Auditor, Group Internal Audit, TM Berhad
- Pengerusi : Y. Bhg Dato' Azizah Bt. Hj Arshad
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)
- 1.00 tgh Jamuan Tengah Hari



2.30 petang **Perbincangan Panel 2 : Audit Dalam Di Sektor Awam
– Isu dan Cabaran**

- Y.Bhg. Datu William Lee Boon Tong
Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak
- Encik Said Ahir Bin Said Abdullah
Setiausaha Bahagian Audit Dalam, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali
Juruaudit Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak
- Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman,
Pengurus Audit Dalam, Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Puan Mariah Bt. Mohamad Said
General Manager, Group Internal Audit Department, PETRONAS

Moderator : Dato' Hj. Zahani Bin Tan Sri Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Audit UiTM

4.30 petang Majlis Penutupan Seminar Oleh
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara
Jamuan Petang Dan Bersurai



Profil Ahli Panel Dan Penceramah

Y. Bhg Tan Sri Dato' Dr Lau Ban Ting **President, Association of International Accountants, Malaysia Branch**

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Lau Ban Ting merupakan seorang Akauntan Bertauliah dan Ahli Malaysian Institute of Accountants, Ahli Fellow Malaysian Institute of Taxation, Chartered Institute of Management Accountants dan Association of International Accountants. Selain itu juga, beliau memperolehi MBA dan DBA dari Southern Cross University, Australia. Beliau merupakan adjunct fakulti, Fakulti Perakaunan dan Pengurusan UTAR dan ahli International Real Estate Federation serta penasihat kepada Klang Chinese Chamber of Commerce and Industries. Memulakan perkhidmatannya sebagai Juru Analis Projek dengan Newacres Sdn Bhd dan menjadi pensyarah dalam bidang Pengurusan Perakaunan di beberapa Institusi Pengajian Tinggi. Beliau adalah pengasas kepada Hospital Tawakal KL dan Konsultanan Kewangan kepada projek Bandar Tun Razak, DBKL.

Beliau memegang jawatan pengerusi di Malaysian Red Crescent Society, Lembah Klang dan Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Pengajian Perniagaan Kolej Tunku Abdul Rahman (UTAR). Beliau turut mempelopori badan sukarelawan iaitu Pusat Usahawan, Malaysia bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan keusahawanan di Malaysia. Di samping itu, beliau pernah menulis sebuah buku bertajuk 'Kawalan Modal dan Ekonomi Malaysia' pada tahun 2005.

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Lau Ban Ting adalah ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat B.I.G. Industries Bhd dan Ngiau Kee Corporation (M) Bhd. Beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran DSSA oleh Sultan Selangor pada tahun 1993, dilantik sebagai Justice of Peace oleh Gabenor Melaka pada tahun 1999 dan dianugerahkan darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada tahun 2000.

Y. Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh **Presiden Institut Integriti Malaysia**

Datuk Dr Mohd Tap Bin Salleh adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan kepujian dari Monash University, Australia, Ijazah Master in Science (Social Planning) dari University of Wales, United Kingdom dan Ph.D (Development Planning) dari University of Bath, United Kingdom.

Beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1973 dan telah menjawat pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatannya di sektor awam. Jawatan akhir beliau adalah sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah sehinggalah beliau bersara wajib pada 20 Ogos 2005 dan dilantik semula memegang jawatan berkenaan secara kontrak selama setahun sehingga bulan Ogos 2006. Mulai bulan Disember 2006, beliau telah dilantik sebagai Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk tempoh 2 tahun.

Profil Ahli Panel Dan Penceramah



Y. Bhg. Dato' Hj. Zahani Bin Tan Sri Ahmad Pengerusi Audit Committee UiTM

Y. Bhg. Dato' Hj. Zahani Bin Tan Sri Ahmad mendapat pendidikan awal di Malay College, Kuala Kangsar dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Headington, Oxford, UK dalam bidang Seni Bina dan menjadi ahli profesional Seni Bina di Malaysia dan British.

Syarikat Arkitek beliau, Zahani Ahmad Architect telah banyak menyiapkan projek-projek arkitek di seluruh Malaysia. Y. Bhg. Dato' Hj. Zahani merupakan Ahli Lembaga Pengarah UiTM. Beliau menerima anugerah pingat kebesaran Johan Setia Mahkota (JSM) pada tahun 1989, Ahli Mangku Negara (AMN) pada tahun 1967 dan Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) pada tahun 1996.

Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Hj. Hashim adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian dari Universiti Malaya dan Master in Business Administration dari City University, Amerika Syarikat. Beliau pernah menghadiri kursus di luar negara anjuran IMF/World Bank/WTO dan mengikuti The Oxford Advanced Management Programme di University of Oxford pada tahun 2004 serta Premier Leadership Program di INTAN Kluang, Johor pada tahun 2005.

Y. Bhg. Dato' Ahmad mula menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1974 dan pernah memegang pelbagai jawatan di beberapa Kementerian. Kini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) di Kementerian Kewangan.

Selain itu, beliau pernah menjadi ahli lembaga pengarah Perda, Klang Port Management Sdn. Bhd, MTIB, Johor Corporation, Perbadanan Labuan, Lembaga Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kereta Api Tanah Melayu, Proton Holdings dan Telekom Malaysia Bhd. Beliau pernah memegang jawatan Pengarah Eksekutif di Islamic Development Bank dan menjadi Pengarah Gantian di Institut Jantung Negara dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Y. Bhg. Dato' Ahmad juga pernah mewakili Malaysia di beberapa mesyuarat di peringkat antarabangsa seperti APEC Economic Committee/Finance Ministers/Leaders, Islamic Development Bank Board of Governors, Commonwealth Finance Ministers, Asia Europe Leaders, WTO dan Bilateral External Loan Negotiations



Profil Ahli Panel Dan Penceramah

Y. Bhg Dato' Azizah Bt. Hj Arshad Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

Y. Bhg Dato' Azizah Bt. Hj Arshad mula memegang jawatan Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) pada tahun 2001. Beliau telah berkhidmat lebih 30 tahun di Jabatan Audit Negara. Berkelulusan Master in Public Financial Management dari American University Washington, DC USA dan BA (Hons) Ekonomi dan Pengurusan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menerima anugerah Pingat Johan Mangku Negara (JMN), Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) dan Ahli Mangku Negara (AMN).

Y.Bhg. Datu William Lee Boon Tong Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak

Y. Bhg. Datu William Lee Boon Tong berkelulusan Bachelor Of Commerce Degree in Accounting dari University of Western, Australia. Beliau adalah ahli Chartered Accountant, MIA dan Fellow Certified Practising Accountants, Australia.


Beliau pernah bertugas di Jabatan Audit Negara sebagai Juruaudit dari tahun 1974 hingga tahun 1982, kemudian dinaikkan pangkat ke Juruaudit Kanan dari tahun 1983 hingga tahun 1987. Seterusnya beliau menjawat jawatan Ketua Juruaudit dari tahun 1988 hingga tahun 1993. Pada Disember 1993 beliau bertukar ke Jabatan Perbendaharaan, Sarawak sebagai Timbalan Ketua Akauntan sehingga Disember 1995. Beliau memulakan tugas jawatan Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak sejak Januari 1996 sehingga sekarang.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menghadiri Kursus Program Komputer di Universiti Sains Malaysia pada bulan Mei 1980, Kursus Komputer dan System Based Audit di Western Australia Institute of Technology pada tahun 1980 dan Kursus Comprehensive Auditing selama satu tahun dari tahun 1986 hingga tahun 1987 di Ottawa, Canada.

Encik Said Ahir Bin Said Abdullah Setiausaha Bahagian Audit Dalam, Kementerian Pelajaran Malaysia

Encik Said Ahir Bin Said Abdullah mula berkhidmat dengan Perbendaharaan Malaysia sebagai Penolong Setiausaha dari tahun 1984 hingga 1988 selepas menamatkan pengajiannya. Beliau adalah pemegang Bachelor of Arts, Diploma Public Administration dan MBA (Finance).

Pada tahun 1990 beliau ditukarkan ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai Penolong Pengarah sehingga tahun 1995 dan seterusnya sebagai Ketua Penolong Pengarah pada tahun 1996 hingga tahun 2000. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Perbendaharaan di bahagian Kontrak & Bekalan pada tahun 2001 hingga 2003. Pada tahun 2005 beliau telah ditukarkan ke Kementerian Pelajaran dan menjawat Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Dalam.



Puan Fatimah Bt. Abu Bakar **President, Institute of Internal Auditors Malaysia**

Puan Fatimah Bt. Abu Bakar adalah pemegang ijazah B.Tech (Hons) (UK) dan mempunyai sijil profesional seperti CIA (USA), CCSA (USA), CFIIA. Beliau merupakan Pengarah Governance and Assurance Services di Friday Concepts Sdn. Bhd dan juga pernah dilantik menjadi Pengurus Besar, Audit Dalam di Pengurusan Danaharta Nasional Bhd.

Beliau pernah berkhidmat bersama Kumpulan Syarikat Shell Malaysia selama 25 tahun dalam pelbagai bidang antaranya technical services, lubricants marketing, human resource, distribution operations, internal audit serta health, safety and environmental management. Beliau berkhidmat di bahagian audit dalam selepas 14 tahun berkhidmat di bahagian operasi dan dilantik sebagai Chief Internal Auditor, Shell Companies di Malaysia pada tahun 1993 dan merupakan wanita pertama serta non-accountant yang memegang jawatan tersebut.

Mewakili IIA Malaysia dalam Task Force yang ditubuhkan oleh Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) yang membangunkan "Guideline for Directors (Public Listed Companies) For Internal Control Statement" dan menyertai Task Force di Securities Commission dalam membangunkan Internal Audit Guidelines. Beliau juga bergiat aktif dalam Industry-wide Task Force dan aktif memberikan sumbangan dalam membangunkan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2004) dalam perkembangan sektor korporat di Malaysia.

Encik Hashim Bin Mohammed **Group Chief Auditor, Group Internal Audit, TM Berhad**

Encik Hashim Bin Mohammed adalah pemegang Bachelor of Science (Chemistry) dari Queen Elizabeth College, University of London dan Masters in Business Administration (MBA) in International Management dari RMIT University, Melbourne, Australia. Beliau merupakan Group Chief Auditor TM Berhad semenjak Oktober 2002. Di samping itu, beliau adalah setiausaha Jawatankuasa Audit TM Berhad.

Encik Hashim merupakan bekas Naib Presiden, Chartered Fellow of The Institute of Internal Auditors Malaysia. Beliau merupakan ahli kepada Task Force yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia pada tahun 2002 dan juga ahli kepada penyiasatan tribunal bagi Bar Council Malaysia. Selain tu, beliau juga merupakan ahli Chartered Chemist dan Royal Society of Chemistry, United Kingdom. Selain itu, beliau merupakan Exco Kelab Harvard di Malaysia dan mempunyai pengalaman di Syarikat Shell selama 21 tahun.



Profil Ahli Panel Dan Penceramah

Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali **Juruaudit Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak**

Encik Ahmad Kamil Bin Yang Ghazali mendapat pendidikan awal Sekolah Menengah St. Michael's Institution, Ipoh dan melanjutkan pelajarannya ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang perakaunan. Beliau merupakan Associate Member of The Institute of Internal Auditors Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman melebihi 25 tahun dalam bidang pengauditan di Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Audit Negara dan seterusnya di Majlis Bandaraya Ipoh sebagai Juruaudit Bandaraya.

Puan Mariah Bt. Mohamad Said **General Manager, Group Internal Audit Department, PETRONAS**

Puan Mariah Bt. Mohamad Said merupakan Ahli Chartered Institute of Cost & Management Accountants (CIMA), UK dan Ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA).

Beliau telah berkhidmat dengan PETRONAS selama 25 tahun di pelbagai unit Kumpulan PETRONAS, antaranya PETRONAS Group Account and Budget Division, PETRONAS Carigali Finance and Accounts Division serta PETRONAS Group Finance Division. Beliau dilantik mengetuai PETRONAS Group Internal Audit Division pada Mac 2006 dan merupakan Setiausaha Jawatankuasa Audit PETRONAS.

Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman **Pengurus Audit Dalam, Lembaga Tabung Angkatan Tentera**

Puan Putri Rozita Bt. Abdul Rahman mempunyai Ijazah Sains Pengkhususan Perakaunan dan Sarjana Pengurusan Pentadbiran (Perakaunan & Kewangan) dari Universiti Southern New Hampshire, USA.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 20 tahun di bidang pengauditan, perakaunan serta kewangan dan merupakan Ahli Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM).



WARGA JABATAN AUDIT NEGARA
MENJUNJUNG MANDAT YANG MULIA
MENJULANG MARTABAT BANGSA
DALAM SEMANGAT WAJA
MALAYSIA KUYANG TERCINTA

BERKHIDMAT DENGAN SEIKHLAS HATI
TEGUR-MENEGUR MENASIHATI
SALING HORMAT MENGHORMATI
KEPADA SEMUA AUDITI
ITULAH JANJI KAMI

AUDITAN KAMI YANG BERKUALITI
ITULAH AMALAN KAMI
BERSAMA KAMI SEDIA BERBAKTI
DENGAN AKHLAK MINDA TERPUJI
KAMI WARGA AUDIT NEGARA
CEKAP DAN MESRA

(ULANG)

AUDITAN BERKUALITI
PASTI MENINGKAT
AKAUNTABILITI



Penghargaan

penghargaan

Jawatankuasa Seminar Audit Dalam merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.Bhg Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara, Malaysia dan semua yang telah memberikan sumbangan dengan apa cara jua bagi menjayakan majlis ini

